

Dua lagi ditahan rompak ATM

B.H 29/06/08 M/S 10

Kes dianggap selesai hasil siasatan ke atas 10 pengawal keselamatan sebelum ini

Oleh Petah Wazzan Iskandar

KUALA LUMPUR: Kes rompak tiga mesin juruwang automatik (ATM) berjumlah RM600,000 dari sebuah bank di Taman Equine, Seri Kembangan, dekat sini, malam Selasa lalu, dianggap selesai selepas dua lagi suspek ditahan di sini, kelmarin.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata dua suspek terbabit yang berusia 20-an ditahan di ibu negara hasil daripada soal siasat yang dilakukan ke atas 10 pengawal keselamatan yang ditahan sebelum ini.

“Siasatan awal mendapati, kedua-dua suspek dipercayai mempunyai kaitan dengan dua syarikat kawalan keselamatan yang menggaji 10 pengawal keselamatan yang berusia antara 25 hingga 40 tahun terbabit.

“Polis juga merampas sebahagian wang tunai yang disimpan di dalam sebuah kereta milik seorang daripada dua suspek terbabit,” katanya pada sidang media selepas Majlis Dialog Polis bersama penduduk Bandar Puteri Puchong, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian, kira-kira jam 11.20 malam Selasa lalu, sekumpulan empat lelaki melarikan RM600,000 se-

“Polis juga merampas sebahagian wang tunai yang disimpan di dalam sebuah kereta milik seorang daripada dua suspek terbabit”

Khalid Abu Bakar
Ketua Polis Selangor

lepas membuka tiga mesin ATM dari sebuah bank di Taman Equine, Seri Kembangan di sini.

Polis tidak menolak kemungkinan orang dalam terbabit dalam rompakan itu kerana kumpulan perompak dipercayai menggunakan kunci untuk membuka semua mesin ATM berkenaan kerana tiada kesan pecah masuk.

Ketika melakukan kegiatan itu, perompak menutup mulut dan hidung menggunakan kain serta menyembur cat hitam pada kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengelak mereka dikenal pasti.

Sementara itu, seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal yang

ditahan kerana dipercayai mencabul dan merogol seorang remaja perempuan berusia 17 tahun di Balai Polis Subang, dekat sini, dibebaskan dengan jaminan polis.

Khalid berkata, selepas siasatan dijalankan, polis mempunyai bukti dan hasil siasatan dihantar ke Bukit Aman serta Timbalan Pendakwa raya untuk tindakan lanjut.

“Pendakwaan mungkin dilakukan minggu depan. Dengan pendakwaan ini, ia membuktikan polis bersungguh-sungguh membanteras penyalahgunaan kuasa dan jenayah di kalangan anggota termasuk pegawai,” katanya.